



LAMPIRAN PENYATAAN PRODUK untuk Polisi STORAGE TANK (TANGKI SIMPANAN)

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Penyataan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Polisi Storage Tank (Tangki Simpanan). Pastikan anda juga telah membaca terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah perincian produk ini?

Polisi Storage Tank (Tangki Simpanan) menyediakan perlindungan untuk kerosakan atau kerugian ke atas loji yang diinsurans akibat runtuh atau ledakan atau brekahan atau pecahan atau kegagalan kimpalan atau sebarang punca kemalangan lain semasa berada di dalam had wilayah yang dinyatakan di dalam polisi.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

- ❖ Bahagian I – Kerosakan Material pada Loji.
- ❖ Bahagian II – Kehilangan Isi Kandungan Loji.
- ❖ Bahagian III – Kerugian atau kerosakan kepada hartanah sekeliling milik Diinsurans yang disebabkan oleh kerugian atau kerosakan atau kehilangan isi kandungan yang mana liabiliti telah diperakui di bawah Bahagian I dan/atau Bahagian II polisi.

Tempoh perlindungan adalah untuk satu (1) tahun dan anda perlu memperbaharui polisi setiap tahun.

3. Berapakah jumlah premium yang harus saya bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza mengikut keperluan pengunderaitan syarikat insurans pilihan anda. Polisi ini tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM250.00

4. Apakah jumlah yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

<u>Apakah yang perlu anda bayar selain premium</u>	<u>Jumlah</u>
Cukai perkhidmatan (jika ada)	5% daripada premium
Duti setem	RM10.00

<u>Perkara yang termasuk di dalam premium</u>	<u>Jumlah</u>
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	15% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang harus saya ketahui?

- ❖ Kepentingan perakuan – Anda perlu memaklumkan kesemua fakta material yang anda ketahui atau perlu ketahui; atau polisi anda mungkin menjadi tidak sah
- ❖ Polisi ini seharusnya diinsuranskan atas dasar pembaharuan-semula.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- ❖ Perang dan sebarang tindakan perang saudara.
- ❖ Kerugian atau kemusnahan sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat daripada risiko tenaga nuklear atau keradiokatifan
- ❖ Kerugian atau kerosakan akibat kebakaran dan malapetaka tidak berkaitan.
- ❖ Kerugian atau kerosakan akibat perpaipan.
- ❖ Kos atau perataan-semula mana-mana tangki.
- ❖ Kerugian atau kerosakan akibat penggunaan dan kelusuhan.
- ❖ Kerugian akibat peresapan, penyejatan atau sebarang kehilangan biasa dagangan.
- ❖ Kerugian atau kerosakan akibat rekahan dan keretakan.
- ❖ Sebarang kerugian turutan

Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Sebaik pembatalan, anda berhak menerima pulangan bayaran premium ditolak premium berdasarkan kadar tempoh pendek kami untuk tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum yang disimpan oleh kami. Tiada premium akan dikembalikan jika terdapat tuntutan dibuat di bawah polisi ini.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan mengenai maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmG Insurance Berhad

Tingkat 9, Bangunan AmAssurance,
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia

Pusat Perkhidmatan Pelanggan

Tingkat Bawah, Bangunan AmAssurance
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur.
Tel: 1 300 80 3030 Faks: (603) 21713030
E-Mel: amassurance-general@ambankgroup.com
Laman web: <https://www.amassurance.com.my>

10. Lain-lain jenis perlindungan yang disediakan

Sila rujuk cawangan dan ejen-ejen kami untuk maklumat mengenai jenis-jenis perlindungan seumpamanya yang disediakan.

NOTA PENTING:

ANDA HARUS BERPUAS HATI BAHAWA POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU BERHUBUNG TERUS DENGAN SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT